

CNS6363

R GB 07-05 00211 BA745

aab

LEAD Clinton - Mahathir  
CLINTON PUJI KEPIMPINAN MAHATHIR  
Daripada AZMAN UJANG & SALMY HASHIM

I

WASHINGTON, 7 Mei (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton memuji Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas kepimpinan beliau dan "pencapaian cemerlang" Malaysia serta berharap dapat menjalinkan hubungan lebih erat antara kedua-dua negara.

"Saya amat kagum dengan kepimpinan beliau dan saya kagum dengan pencapaian negaranya yang sukar dipercayai di bawah kepimpinan beliau sejak beberapa tahun yang lepas," katanya ketika menjawab soalan daripada wartawan Malaysia semasa sesi foto singkat sebelum memulakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Oval Office di White House. Pertemuan pertama kedua-dua pemimpin di sini berlangsung pada Jumaat.

Clinton berkata, beliau sememangnya menantikan pertemuan dengan Dr Mahathir sejak sekian lama untuk mengeratkan lagi hubungan dengan beliau.

Para wartawan Malaysia yang membuat liputan majlis itu dibenarkan oleh White House untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada Clinton sebelum mesyuarat tertutup dimulakan.

Yang turut hadir ialah Naib Presiden Al Gore, Setiausaha Negara Warren Christopher, Duta AS ke Malaysia John Stern Wolf, manakala bagi pihak Malaysia ialah bekas Menteri Kewangan Tun. Daim Zainuddin, Duta Malaysia Datuk Abdul Majid Mohamed dan Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail. Lagi

▼07/05/12-10MST

R GB 07-05 00144 BA746

aab

LEAD Clinton - Mahathir 2 Washington

Dengan menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dalam hal ehwal dunia, Clinton berkata beliau berbesar hati dengan usahasama keselamatan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Beliau merujuk kepada kerja-kerja menyelamatkan tentera-tentera AS oleh tentera Malaysia di Mogadishu, Somalia, pada tahun lepas. Tentera Amerika terperangkap dalam serangan tembakan bertubi-tubi oleh tentera militia pimpinan panglima perang Somalia Jen Farah Aideed.

Seorang anggota tentera Malaysia terbunuh semasa operasi menyelamatkan itu.

Clinton juga berkata, beliau amat berbesar hati dengan sumbangan Malaysia dalam operasi Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina dan Somalia.

Pada ketika para wartawan Malaysia, pewarta dan jurugambar televisyen White House menunggu di luar Oval Office pada tengah hari musim bunga untuk menanti kemunculan Dr Mahathir, kehangatan mesyuarat di dalam terbukti apabila ia berlanjutan melebihi masa 45 minit yang dijadualkan. -- Lagi

▼07/05/12-12MST

aab

LEAD Clinton - Mahathir 3 Washington

Ia berlanjutan sehingga 80 minit. Seperti kebiasaan, pada persidangan akhbar di kawasan terbuka untuk pemimpin yang melawat, Dr Mahathir menyifatkan perbincangan itu, yang merangkumi bidang luas mengenai isu-isu antarabangsa, sebagai "amat berguna".

"Kami bersetuju dalam kebanyakan perkara dan saya anggap hasil daripada pertemuan ini hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat akan menjadi lebih mudah", katanya.

Hubungan Washington-Kuala Lumpur agak terjejas semasa Pentadbiran Bush apabila ia membantah cadangan Malaysia terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Setiausaha Negara AS ketika itu, James Baker tidak membantu terhadap perkara itu malahan dia mengeluarkan ancaman kepada Jepun dan Korea Selatan agar tidak membabitkan diri dalam EAEC.

Tindakan Dr Mahathir tidak menghadiri persidangan kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle pada November lepas dilihat sebagai satu tamparan kepada AS, bagaimanapun sejak itu para pegawai dan sektor swasta daripada kedua-dua pihak telah bekerja keras untuk memulihkan hubungan tegang antara negara paling berkuasa di dunia itu dengan sebuah negara yang paling cepat pertumbuhan ekonominya di Asia. -- lagi

▼07/05/12-17MST

CNS6367

aab

LEAD Clinton - Mahathir 4 Washington

Bagaimanapun, keadaan sudah berubah dan Dr Mahathir menambah kata bahawa menjemput Presiden Clinton untuk melawat Malaysia dalam perjalanan beliau ke Jakarta tahun ini untuk menghadiri persidangan APEC.

"Saya menjemput beliau datang ke Malaysia semasa perjalanannya ke Jakarta. Saya harap beliau dapat berbuat demikian. Beliau berkata "Ya" tetapi itu tidak bermakna yang beliau akan datang, tetapi sekurang-kurangnya beliau tidak menyatakan tidak," demikian dinyatakan oleh Dr Mahathir.

Jika lawatan itu menjadi kenyataan ia akan menjadi lawatan pertama oleh seorang presiden Amerika Syarikat dalam tempoh tiga dekad ini. Lawatan terakhir dibuat oleh mendiang Lyndon Johnson pada tahun 60-an.

Beliau berkata, mereka mengadakan perbincangan panjang lebar mengenai Bosnia-Herzegovina, satu isu yang diberi perhatian berat oleh Dr Mahathir seperti yang dapat dilihat dalam usaha melobi yang giat dijalankan untuk mendapatkan perhatian masyarakat dunia, Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) untuk bertindak tegas menghentikan keganasan Serb ke atas rakyat Islam Bosnia dalam konflik yang telah meragut beratus-ratus ribu nyawa.

Malahan Dr Mahathir telah menulis kepada Clinton meminta Amerika Syarikat menggunakan peranan kepimpinannya dalam BB dan NATO untuk menyelesaikan masalah Bosnia yang kini berlanjutan selama tiga tahun. -- lagi

▼07/05/12-21MST

R GB 07-05 00187 BA749

aab

LEAD Clinton - Mahathir 5 Washington

Ditanya sama ada beliau menjangka AS akan menukar pendiriannya terhadap Bosnia, Dr Mahathir berkata tidak terdapat banyak perbezaan antara pandangan AS dan Malaysia mengenai isu itu tetapi masalahnya ialah keupayaan mereka untuk bertindak.

"Saya tidak boleh katakan yang saya mempunyai alamat akan berlaku sebarang perubahan dalam pendirian AS tetapi saya amat gembira yang beliau mendengar pandangan-pandangan saya," katanya.

Dr Mahathir berkata Clinton juga mendapatkan pandangan beliau berhubung China berikutan ketidak pastian AS sama ada untuk terus memberi China status Negara Pilihan Utama (MFN) berikutan dengan rekod hak asasi manusianya.

"Saya beritahu Presiden Clinton bahawa seseorang tidak sepatutnya meletakkan tekanan, seseorang itu perlu berusaha memberi keyakinan dengan mengutarakan perkara yang benar dan salah daripada berusaha melakukan sesuatu yang mungkin boleh disalahtafsir sebagai pembelotan ... dan ianya tidak hanya tertakluk kepada China malahan kepada mana-mana negara," katanya.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan tidak rasmi selama tiga hari, kemudian berlepas ke St. Louis di Missouri untuk lawatan singkat ke kilang kapal terbang McDonnell-Douglas dan membincangkan rancangan penyertaannya dalam industri penerbangan Malaysia. -- lagi

▼07/05/12-26MST

CNS6375

R GB 07-05 00101 BA750

aab

LEAD Clinton - Mahathir 6 (akhir) Washington

Dari sana, beliau ke Bloomington di Indiana untuk bermalam semalaman, dan esok isteri beliau, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, akan menerima anugerah kehormat daripada Universiti Indiana.

Beliau akan melawat kilang Boeing di Seattle pada Ahad sebelum berlepas ke China untuk berucap pada satu persidangan anjuran International Herald Tribune.

Sementara itu, Setiausaha Akhbar White House, Dee Dee Myers dalam kenyataannya berkata, kedua-dua pemimpin berkenaan membincangkan hubungan AS dengan Asia dan pembangunan Asia pada masa akan datang. -- Bernama

AU SAL CR

▼07/05/12 27MST